

TR: 3.1.1966

**UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI
PADA 21 JANUARI, 1966.**

1 Syawal, 1385 - ialah satu hari yang sangat mulia dan berbahagia bagi semua umat Islam di seluruh dunia. Umat Islam merayakan hari kebesaran Islam ini dengan meriahnya setelah berjaya memenangi ujian iman dengan berpuasa selama sebulan bagaimana dikehendaki oleh rukun Islam.

Bagi umat Islam di Malaysia Hari Raya tahun ini ialah tahun ketiga kita berhari raya selepas Malaysia ditubuhkan dan tahun yang ketiga perhubungan kita dengan Indonesia masih berada dalam keadaan huru hara dan Negara kita dalam keadaan cemas dan merbahaya. Akan tetapi kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa Lagi Adil kerana pada tahun ini walaupun perhubungan kita dengan Indonesia belum lagi pulih semula namun konfrontasi Indonesia terhadap kita telahpun reda sedikit dan pertempuran di sempadan boleh dikatakan tidak ada berlaku semenjak timbulnya pemberontakan di Indonesia pada 30 September tahun lalu. Saya menyeru supaya semua umat Islam di kedua-dua buah negara jiran ini berdoa kepada Tuhan supaya konfrontasi Indonesia terhadap kita akan hilang terus dan kita berharap akan muncul suatu kerajaan di Indonesia yang sedia hendak bekerjasama dengan kita dan berusaha menjamin keamanan dan persahabatan antara bangsa-bangsa di Tenggara Asia ini.

Satu perkara yang menarik hati pemimpin-pemimpin Perikatan ialah rakyat semua sedar yang kita ini tidak bermusuhan dengan rakyat Indonesia yang kebanyakannya beragama Islam. Kepada mereka bagi pihak kita semua, kita mengucapkan selamat Hari Raya dan kita berdoa kepada Tuhan supaya mereka dapat sekadar mana yang boleh merayakan hari yang mulia ini. Kita berdukacita mendengar kesusahan yang telah menimpa mereka dan kita berharap konfrontasi yang didatangi oleh President Sukarno dan PKI terhadap negara kita diberhentikan dan moga-moga dengan berhentinya konfrontasi itu rakyat Indonesia akan dapat hidup dengan

lebih aman dan dalam keadaan yang agak lebih senang daripada masa sekarang ini.

Pada tahun ini disebabkan keadaan darurat di negara kita bertambah baik, kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita makin hari semakin kuat, teguh dan berada dalam keadaan yang sempurna dan kebanyakan rakyat hidup senang dan bahagia. Dalam keadaan inilah umat Islam menyambut Hari yang mulia ini dengan besar-besaran dan seperti kitalah juga orang-orang Cina menyambut tahun baharu mereka yang jatuh dua hari terlebih dahulu daripada Hari Raya. Ini adalah kali yang ketiga hampir sama jatuh hari besar dua kaum yang terbesar di Malaysia ini. Kerana sudah tiga kali berturut-turut ini berlaku saya harap ia menandakan satu alamat yang baik bagi negara kita ini. Masa hadapan negara kita, cemerlang atau buruk, terletak di atas perpaduan dan kerjasama semua rakyat negara ini, khasnya, dua kaum yang terbesar, iaitu Melayu dan Cina. Saya amat sukacita kerana perpaduan dan kerjasama antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu boleh dikatakan makin kuat dari sehari ke sehari. Dalam masa itu pun kita mestilah senantiasa memupuk kekuatan perpaduan ini dan segala usaha mestilah dibuat bersama dan dengan semangat muhibbah, jadilah kerjasama di antara kaum-kaum satu perintis ke arah pembentukan satu bangsa dan satu taat setia kepada negara ini.

Sepanjang tahun lepas, saya sangat sukacita dengan taat setia semua rakyat kepada tahananir kita dan kepada Kerajaan. Tetapi dalam masa itu pun wajiblah juga kita memperkuat lagi perpaduan negara dan taat setia semua bangsa dan senantiasa berwaspada terhadap gerakan-gerakan subversif dan musuh-musuh Malaysia yang hendak menghancurkan kemerdekaan kita dan perpaduan antara kaum dalam Malaysia. Masih ada lagi anasir-anasir yang sedang bekerja untuk menghancurkan keamanan negara dan rukun hidup berbaik-baik di antara rakyat yang berbilang bangsa dan ugama. Kerajaan Perikatan telah memerintah negara ini hampir sebelas tahun sekarang dan sepanjang pemerintahan Kerajaan Perikatan tujuan besar kita ialah untuk menyatukan semua bangsa di Malaysia ini menjadi satu - satu bangsa yang taat dan kuat. Dalam kita berusaha menubuhkan satu bangsa Malaysia ini, kita juga sedang menumpu segala tenaga, usaha dan fikiran bagi kemajuan dan pembangunan negara dalam bidang ekonomi, pe-

lajaran dan masyarakat. Adalah menjadi tujuan dan niat Kerajaan Perikatan untuk menimbulkan satu masyarakat yang lebih adil daripada yang ada sekarang ini, satu masyarakat yang memuaskan hati semua golongan dan satu masyarakat di mana kekayaan negara ini dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat yang ada dalam negara ini dengan adilnya. Kerajaan Perikatan hendak mendekatkan lagi jurang yang memisah antara orang yang berada dengan orang yang tidak berada. Kita mahu membina jambatan mendekati kedua-dua masyarakat ini. Tujuan kita ialah untuk memberi segala kebahagiaan, kemakmuran hidup yang dibawa oleh Sains dan Teknologi kepada semua rakyat negara ini tidak kira apa bangsa dan ugama supaya semua dapat hidup aman damai, adil dan mengecap nikmat-nikmat abad sekarang ini. Kita senantiasa bekerja dan berusaha ke arah ini dan pemimpin-pemimpin Perikatan senantiasa berdoa kepada Tuhan moga-moga tidak lama lagi dengan usaha kesemua golongan, sebuah masyarakat yang betul-betul adil akan lahir di negara kita ini.

Saya sukacita mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam di Malaysia dan merata-rata dunia, khasnya kepada ahli-ahli UMNO, penyokong-penyokong UMNO dan Perikatan. Marilah kita semua umat Islam bersama-sama merayakan hari besar Islam ini, bekerjasama bagi kepentingan dan kesejahteraan ibu pertiwi, ugama dan bangsa dan marilah kita bersama-sama berdoa kepada Tuhan yang amat pemurah lagi pengasih atas rahmatnya dan limpah kemurahannya melindungi kita dari segala bahaya sepanjang bulan puasa kerana dapat menetapkan iman kita semua dan juga mengawasi negara dan hak-hak asasi kita daripada musuh-musuh.

Mustahak kita menjaga keamanan negara kita hari ini. Negara kita mempunyai penduduk-penduduk daripada berbagai-bagai bangsa dan sangat penting bagi rakyat negara ini memelihara perhubungan baik dan perasaan saling mengerti di antara satu dengan lain. Hanyalah dengan ini akan terjamin keselamatan bangsa dan negara kita. Kerajaan Perikatan telah mengambil beberapa langkah yang besar untuk membaiki keadaan hidup rakyat dengan membawa kemudahan-kemudahan yang dikehendaki. Kerajaan akan melancarkan pada tahun ini Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Dengan pelaksanaan Rancangan yang besar ini, Kerajaan harap penduduk-penduduk di luar bandar

akan dapat memperbaiki lagi taraf hidup dan mata pencarian mereka. Kerajaan Perikatan berazam dari satu masa ke satu masa hendak mengambil langkah-langkah yang tegas di dalam lapangan Pembangunan dan Kemajuan yang akan menolong rakyat Malaysia supaya boleh mempunyai keadaan hidup yang lebih bahagia dan masyarakat yang lebih adil. Saya berseru kepada semua rakyat supaya memberi kerjasama yang penuh kepada kerajaan dan menimbulkan semangat dan jiwa yang sebenar-benar ingin kepada kemajuan dan kebahagiaan.

Saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan ucapan ribuan terima kasih bagi diri saya dan Kerajaan kepada semua umat Islam yang telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan dan pihak Tentera dan Pasukan Keselamatan dalam usaha kita mempertahankan negara dari musuh-musuh dan saya tujukan ucapan terima kasih saya yang istimewa sekali kepada semua ahli-ahli Pasukan Angkatan Bersenjata kita yang telah menjalankan kewajipan masing-masing dengan taat, dengan tabah dan berani itu. Saya menyeru kepada semua perajurit-perajurit di mana sahaja mereka berada supaya lebih-lebih lagi semangat perwira mereka. Saya berdoa mudah-mudahan Allah selamatkan mereka dan diberi iman dan keberanian yang luar biasa dalam perjuangan hidup dan peperangan. Sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya Puasa kepada seluruh umat Islam dan perajurit-perajurit Malaysia dan keluarga mereka;

Selamat Hari Raya Puasa.